

SSSN 2020 Tingkatkan Kualiti Ibadat Solat

LABUAN- Program Seminar Sifat Solat Nabi (SSSN) 2020 yang diadakan di Dewan Theatre, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) baru - baru ini mampu meningkatkan kualiti ibadat solat para pesertanya.

Penyelaras program, Nurul Izzati Abd Razak berkata, jumlah penyertaan amat memberangsangkan iaitu seramai 170 orang peserta terdiri daripada mahasiswa, kakitangan UMSKAL serta masyarakat Labuan.

“Objektif program ini ialah memberi kesedaran mengenai kepentingan memperbaiki dan

menambah baik ibadah solat selain memberi pendedahan mengenai keluasan pandangan di dalam fiqh solat,” katanya.

Program sehari anjuran Persekutuan Mahasiswa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, UMSKAL dengan kerjasama Belia HARMONI Labuan itu menampilkan penceramah jemputan Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Buhuth (Penyelidikan), Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Muhammad Fahmi Rusli.

Majlis penutup disempurnakan Timbalan Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan UMSKAL, Dr. Suzillah Sidek.



DR. SUZILLAH (duduk, tengah) dan Ustaz Muhammad Fahmi (duduk tiga dari kiri) bergambar bersama para peserta Seminar Sifat Solat Nabi 2020 di UMSKAL baru-baru ini.